

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI SEMBILAN

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Perenggan 5(1)(c) Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan penyata kewangan agensi negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

Apa yang ditemui Audit?

- Setakat 31 Ogos 2023, sebanyak enam BBN, satu MAI dan tujuh PBT telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 untuk diaudit. Tiga daripada 14 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 31 Mac 2023. Manakala 11 Agensi mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh ditetapkan setelah mendapat kelulusan pelanjutan tempoh sehingga 31 Julai 2023 daripada Pegawai Kewangan Negeri Sembilan.
- Setakat 31 Ogos 2023, dua penyata kewangan agensi telah disahkan, 10 penyata kewangan agensi dalam proses untuk memuktamadkan Sijil Ketua Audit Negara dan dua lagi dalam semakan Audit.

**Apa yang
disyorkan
Audit?**

- Pihak Audit mengesyorkan supaya agensi memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan boleh diaudit (auditabile) mengikut tempoh yang ditetapkan.
- Agensi memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa.

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI SEMBILAN

FAKTA UTAMA		
PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2022	Bilangan Agensi Negeri	14 Akaun Agensi
	6 Badan Berkanun Negeri	2 Telah Disahkan
	7 Pihak Berkuasa Tempatan	12 Belum Disahkan
	1 Majlis Agama Islam	

1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1. Pada tahun 2023, Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit 14 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2022. Penyata kewangan agensi negeri pada tahun 2022 terdiri daripada enam BBN, tujuh PBT dan satu MAI. BBN ditubuhkan mengikut Enakmen/Akta Tubuh Badan Berkanun Negeri, PBT pula ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] manakala MAI ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.

2.2. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan bagi satu MAI dan satu BBN manakala baki 12 penyata kewangan agensi lagi dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik. Pelantikan FAS ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

2.3. Pengauditan penyata kewangan tahun 2022 adalah berpanduan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) bagi memastikan pengauditan adalah berkualiti serta mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan. Antara perkara yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut adalah penyediaan Memorandum Perancangan Audit, penilaian risiko dan bukti audit, komunikasi dengan pihak pengurusan dan tadbir urus, pensampelan dan pelaporan.

3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Setakat 31 Ogos 2023, enam BBN, satu MAI dan tujuh PBT telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 untuk diaudit. Tiga daripada 14 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 31 Mac 2023. Manakala 11 Agensi mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh ditetapkan setelah mendapat kelulusan pelanjutan tempoh sehingga 31 Julai 2023 daripada Pegawai Kewangan Negeri Sembilan. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2022 seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Majlis Sukan Negeri, Negeri Sembilan	23.03.2023
2.	Perbadanan NS	31.03.2023
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan	18.04.2023
4.	Lembaga Muzium Negeri Sembilan	30.05.2023
5.	Yayasan Negeri Sembilan	28.06.2023
6.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	21.07.2023
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	27.06.2023
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Bandaraya Seremban	30.03.2023
2.	Majlis Perbandaran Port Dickson	31.05.2023
3.	Majlis Perbandaran Jempol	31.05.2023
4.	Majlis Daerah Rembau	31.05.2023
5.	Majlis Daerah Kuala Pilah	31.05.2023
6.	Majlis Daerah Jelebu	31.05.2023
7.	Majlis Daerah Tampin	28.06.2023

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.2. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi mestilah lengkap dan boleh diaudit. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengurus dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan. Kegagalan agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan boleh diaudit akan menyebabkan Sijil Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau Malaysian Accounting Standards Board (MASB) merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PA 3.2. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah Financial Reporting Standards (FRS)/Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) dan Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS). Pemakaian MFRS adalah tertakluk kepada undang-undang seliaan Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam Ministerial Function Acts 1969. Salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957.

4.3. Selain itu, JANM juga telah membangunkan Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW) untuk diguna pakai oleh institusi yang mentadbir baitulmal, zakat dan wakaf atau sumber Islam yang seumpamanya bagi penyata kewangan tujuan umum. Bagi penyediaan penyata kewangan MAI tahun 2022, pemakaian piawaian bagi dasar pengukuran dan pengiktirafan adalah mengikut MPERS manakala bagi pembentangan penyata kewangan adalah berdasarkan kepada PPIBZW Fasa 1. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi bagi tahun kewangan 2022 seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN
OLEH AGENSI BAGI TAHUN KEWANGAN 2022

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BIL. AGENSI
1.	Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)	9
2.	Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS)	4
3.	Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS) dan Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW) - Fasa 1	1
4.	Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)/Financial Reporting Standards (FRS)	0
JUMLAH		14

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

5. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan ISSAI yang menetapkan sebanyak dua jenis pendapat audit iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat Tanpa Teguran menunjukkan juruaudit berupaya memberikan pendapat yang benar dan saksama terhadap penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan. Ini termasuklah juruaudit mempertimbangkan perkara seperti berikut:

5.1.1. Perenggan Penegasan Perkara

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

5.1.2. Perenggan Hal-hal Lain

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Sijil Audit.

5.1.3. Perenggan Perkara Utama Audit

Perenggan Perkara Utama Audit merupakan perenggan yang meliputi isu material yang diaudit dan telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap

tadbir urus. Perenggan Perkara Utama Audit menunjukkan ketelusan dalam pengauditan yang telah dijalankan melalui Sijil Audit.

5.2. Pendapat Diubahsuai

Pendapat Diubahsuai menunjukkan penyata kewangan tidak menunjukkan keadaan yang benar dan saksama, terdapat salah nyata ketara (material misstatement) atau juruaudit menghadapikekangan sehingga tidak boleh memberikan pendapatnya. Apabila keadaan ini didapati semasa pengauditan, juruaudit perlu membuat pertimbangan sama ada ianya material atau/dan pervasif terhadap penyata kewangan dan keperluan melaporkan Pendapat Diubahsuai dalam Sijil Ketua Audit Negara. Perkara material atau/dan pervasif adalah asas terhadap Sijil Berteguran, Bertentangan dan Penafian Pendapat seperti berikut:

5.2.1. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat ini dikeluarkan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

5.2.2. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

5.2.3. Penafian Pendapat

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, pendapat penafian turut diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

5.3. Setakat 31 Ogos 2023, daripada 14 penyata kewangan agensi yang telah diterima, dua penyata kewangan BBN telah disahkan. Empat penyata kewangan BBN, tujuh penyata kewangan PBT dan satu penyata kewangan MAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 masih belum disahkan oleh Jabatan Audit Negara. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis pendapat audit yang diberikan bagi tahun 2018 hingga 2022 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
KEDUDUKAN PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN BAGI
PENYATA KEWANGAN AGENSI DARI TAHUN 2018 HINGGA 2022

BIL.	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN (Bil. Penyata Kewangan)				
		2018	2019	2020	2021	2022*
1.	Pendapat Tanpa Teguran	13	14	12	9	2
2.	Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Penegasan Perkara	-	1	1	3	-
3.	Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Penegasan Perkara dan Hal-hal Lain	-	-	-	-	-
4.	Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Perkara Utama Audit	-	-	-	-	-
5.	Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Hal-hal Lain	-	-	2	1	-
6.	Pendapat Berteguran	1	1	-	1	-
7.	Pendapat Bertentangan	-	-	-	-	-
8.	Penafian Pendapat	-	-	-	-	-
JUMLAH		14	16	15	14	2

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2018 hingga 2022

Nota: (*) Kedudukan setakat 31 Ogos 2023

5.4. Status pengauditan penyata kewangan bagi kesemua 14 agensi negeri bagi tahun 2022 seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
STATUS PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN
PIHKAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

BIL.	AGENSI	STATUS PENGAUDITAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Majlis Sukan Negeri, Negeri Sembilan	Telah selesai diaudit dan diberikan Sijil Ketua Audit Negara.
2.	Perbadanan NS	
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan	Mesyuarat Penutup telah diadakan dan dalam proses memuktamadkan Sijil Ketua Audit Negara.
4.	Lembaga Muzium Negeri Sembilan	Maklum balas telah diterima dan menunggu penetapan Mesyuarat Penutup.
5.	Yayasan Negeri Sembilan	Menunggu maklum balas daripada agensi.

BIL.	AGENSI	STATUS PENGAUDITAN
6.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	Pengauditan sedang dijalankan oleh pihak Firma Audit Swasta (FAS).
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	Pengauditan muktamad sedang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara Negeri Sembilan.
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Bandaraya Seremban	Mesyuarat Penutup telah diadakan dan dalam proses memuktamadkan Sijil Ketua Audit Negara.
2.	Majlis Perbandaran Jempol	
3.	Majlis Perbandaran Port Dickson	Menunggu maklum balas daripada agensi.
4.	Majlis Daerah Rembau	
5.	Majlis Daerah Kuala Pilah	Maklum balas telah diterima dan menunggu penetapan Mesyuarat Penutup.
6.	Majlis Daerah Jelebu	
7.	Majlis Daerah Tampin	Menunggu maklum balas daripada agensi.

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.5. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun 2022

5.5.1. Setakat 31 Ogos 2023, sebanyak dua penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 telah selesai diaudit dan disahkan. Status Sijil Ketua Audit Negara yang dikeluarkan terhadap dua penyata kewangan tersebut ialah agensi negeri telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran.

5.6. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun 2021

5.6.1. LKAN Tahun 2021 mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Sembilan Tahun 2021 yang dibentangkan di Dewan Rakyat (6 Oktober 2022) dan Dewan Undangan Negeri (25 November 2022) hanya melaporkan status Sijil Ketua Audit Negara bagi 10 daripada 14 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Baki empat penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 tidak dilaporkan kerana masih belum disahkan semasa LKAN dimuktamadkan pada 31 Ogos 2022.

5.6.2. Setakat 31 Ogos 2023, kesemua 14 penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah selesai diaudit dan disahkan meliputi enam BBN, tujuh PBT dan satu MAI. Kedudukan Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN AGENSI TAHUN 2021

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH SIJIL DITANDATANGANI	JENIS SIJIL
BADAN BERKANUN NEGERI			
1.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan	01.07.2022	Pendapat Tanpa Teguran
2.	Majlis Sukan Negeri, Negeri Sembilan	25.07.2022	Pendapat Tanpa Teguran
3.	Perbadanan NS	23.08.2022	Pendapat Tanpa Teguran
4.	Lembaga Muzium Negeri, Negeri Sembilan	25.08.2022	Pendapat Tanpa Teguran
5.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	01.09.2022	Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Penegasan Perkara
6.	Yayasan Negeri Sembilan	01.09.2022	Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Penegasan Perkara
MAJLIS AGAMA ISLAM			
1.	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	21.10.2022	Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Hal-hal Lain
PIHAK BERKUASA TEMPATAN			
1.	Majlis Bandaraya Seremban	22.07.2022	Pendapat Tanpa Teguran
2.	Majlis Daerah Rembau	15.08.2022	Pendapat Tanpa Teguran
3.	Majlis Daerah Kuala Pilah	16.08.2022	Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Penegasan Perkara
4.	Majlis Daerah Tampin	17.08.2022	Pendapat Tanpa Teguran
5.	Majlis Daerah Jelebu	22.08.2022	Pendapat Berteguran
6.	Majlis Perbandaran Jempol	23.08.2022	Pendapat Tanpa Teguran
7.	Majlis Perbandaran Port Dickson	21.09.2022	Pendapat Tanpa Teguran

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2021

5.6.3. Butiran lanjut mengenai Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2021 yang telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Penegasan Perkara dan Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Hal-hal Lain seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA DENGAN PERENGGAN EOM DAN OM
BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**

BIL.	AGENSI NEGERI	ASAS KEPADA PENDAPAT AUDIT
PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PERENGGAN PENEGASAN PERKARA		
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	<ul style="list-style-type: none"> i) Penilaian bagi harta tanah pelaburan berjumlah RM88,391,476 tidak dibuat secara keseluruhan pada tahun pengauditan. Perkara ini tidak mematuhi Piawaian Laporan Kewangan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) Seksyen 16: Harta tanah Pelaburan yang menyatakan penilaian harta tanah pelaburan perlu dibuat setiap tahun. ii) Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan masih belum menyelesaikan amaun terhutang bagi Nilai Industrial Zone berjumlah RM321,161.50 sehingga kini.
2.	Yayasan Negeri Sembilan	<ul style="list-style-type: none"> i) Tiada peruntukan hutang rugu diiktiraf dalam tahun semasa kerana laporan pengumuman tidak dapat dijana melalui sistem perakaunan yang diguna pakai Yayasan Negeri Sembilan. ii) Pendapatan projek dengan Syarikat 1308915-X berjumlah RM1,000,000 perlu diiktiraf pada tahun 2022 mengikut dokumen yang telah disemak dan seperti di dalam perjanjian yang telah ditandatangani.

BIL.	AGENSI NEGERI	ASAS KEPADA PENDAPAT AUDIT
PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PERENGGAN HAL-HAL LAIN		
1.	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	Keperluan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan merekodkan penerimaan tanah wakaf pada nilai harga asal berbanding perekodan pada nilai nominal yang dipraktikkan pada masa ini. Perkara ini membolehkan tanah wakaf yang dilaporkan memberi gambaran yang benar dan saksama.

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2021

6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Akta Badan Berkanun 1980 dan Enakmen penubuhan BBN telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi yang telah diaudit berserta Sijil Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], satu salinan penyata kewangan dan Sijil Ketua Audit Negara terhadap penyata kewangan PBT dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

6.2. Sebanyak 13 agensi telah membentangkan penyata kewangan tahun 2021 yang telah disahkan di Dewan Undangan Negeri. Pembentangan bagi satu penyata agensi tidak perlu dibuat di Dewan Undangan Negeri, iaitu Majlis Sukan Negeri, Negeri Sembilan. Tarikh pembentangan bagi 13 penyata kewangan agensi tersebut seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PENYATA KEWANGAN TAHUN 2021 YANG TELAH
DIBENTANGKAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI SETAKAT 31 OGOS 2023

BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Perbadanan NS	25.11.2022
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan	25.11.2022
3.	Lembaga Muzium Negeri Sembilan	25.11.2022
4.	Yayasan Negeri Sembilan	25.11.2022
5.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	25.11.2022
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	25.11.2022
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Bandaraya Seremban	25.11.2022
2.	Majlis Perbandaran Port Dickson	25.11.2022
3.	Majlis Perbandaran Jempol	25.11.2022
4.	Majlis Daerah Jelebu	25.11.2022
5.	Majlis Daerah Tampin	25.11.2022
6.	Majlis Daerah Rembau	25.11.2022
7.	Majlis Daerah Kuala Pilah	25.11.2022

Sumber: Bahagian Dewan Undangan Negeri

7. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, setakat 31 Ogos 2023, hanya dua penyata kewangan agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 telah disahkan, 10 penyata kewangan dalam proses untuk memuktamadkan Sijil Ketua Audit Negara dan dua penyata kewangan masih belum selesai diaudit.

8. SYOR AUDIT

Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif oleh Pejabat Kewangan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan yang berkuat kuasa. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

- 8.1. agensi memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan boleh diaudit mengikut tempoh yang ditetapkan; dan
- 8.2. agensi memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa.